

Pesta jualan but kereta UTHM bakal cipta rekod

Batu Pahat: Penganjuran 'Mega Mobile Fiesta Boot Sales' Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 2015 pada 25 dan 26 Disember ini dijangka mencipta rekod baru dalam 'Malaysia Book Of Records' (MBOR) apabila dinobatkan sebagai 'The Largest Gathering Carboot Sales In Malaysia'.

Hasil kerjasama erat dengan beberapa agensi ter-

masuk REC Development Sdn Bhd, Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), Majlis Gabungan NGO Negeri Johor dan Yayasan Perdana Ummah, program berkenaan dijangka menjadi acara terbesar universiti berkenaan pada tahun ini.

Penolong Naib Canselor Hubungan Industri dan Masyarakat UTHM Prof Datuk Dr Abdul Razak Omar berkata,

Mega Mobile Fiesta Boot Sales diadakan bertujuan memberi pendedahan dan peluang aktiviti keusahawanan khususnya kepada penuntut UTHM dan masyarakat sekitar daerah berkenaan.

Menurut beliau, program itu juga dijangka berupaya menyatukan penuntut dan usahawan pelbagai barangan terpakai, produk dan perkhidmatan selain mewujudkan ja-

ringan juga kerjasama dalam inovasi produk tempatan.

"Secara dasarnya, Mega Mobile Fiesta Boot Sales UTHM 2015 adalah inisiatif bagi usahawan yang mempunyai kios bergerak seperti kereta, van, lori kecil dan motosikal untuk mencari serta mendapatkan landasan perniagaan menjual barangan terpakai, produk atau perkhidmatan.